



SIARAN MEDIA

MRT CORP MEMENANGI ANUGERAH PROJEK INFRASTRUKTUR BESAR TERBAIK

Anugerah itu mengiktiraf Fasa Pertama Laluan SBK sebagai projek yang mempamerkan kecemerlangan dalam pelaksanaan

Kuala Lumpur, 18 September 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2017 dalam kategori Projek Infrastruktur Besar Terbaik.

Anugerah itu mengiktiraf Fasa Pertama Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK) sebagai projek yang mempamerkan kecemerlangan menyeluruh dalam pelaksanaan projek. Fasa Pertama Laluan SBK bermula dari Sungai Buloh sehingga Semantan dan mempunyai 12 stesen.

Anugerah kecemerlangan tahunan yang dianjurkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) mengiktiraf penggiat-penggiat industri yang telah menyumbang dan mempamerkan kecemerlangan dalam meningkatkan imej, prestasi and peningkatan dalam industri pembinaan.

Kategori Projek Infrastruktur Besar Terbaik merangkumi projek yang bernilai RM 100 juta ke atas.

Untuk memenuhi syarat penyertaan Anugerah Kecemerlangan pada tahun ini, projek tersebut perlu disiapkan di Malaysia dalam tempoh antara 1 Julai 2014 dan 31 Disember 2016, dan mempunyai Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC).

Atas sebab ini, Fasa Pertama laluan SBK yang telah siap dan dibuka untuk operasi pada 16 Disember 2016, telah dikemukakan sebagai calon untuk anugerah tersebut. Keseluruhan Laluan SBK hanya siap dan mula beroperasi pada 17 Julai 2017.



Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp, Dato' Najmuddin Abdullah telah menerima anugerah tersebut bagi pihak MRT Corp di Acara Penyampaian Anugerah MCIEA 2017 yang berlangsung pada 15 September 2017.

Menurut beliau, anugerah tersebut mengiktiraf gabungan usaha semua pihak yang terlibat dalam memastikan Fasa Pertama Laluan SBK dilaksanakan dengan jayanya.

"Kontraktor Pakej Kerja, subkontraktor, Rakan Pelaksana Projek, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan yang terlibat telah bekerjasama dengan jayanya ke arah matlamat yang sama; bukan sahaja menyiapkan projek tepat pada masanya dan menepati kos sasaran telah ditetapkan, tetapi turut memastikan kualiti yang baik di setiap peringkat dalam pelaksanaan projek," tambah Najmuddin.

Projek yang memenangi anugerah telah dipilih berdasarkan tiga kriteria iaitu konsep, reka bentuk dan perancangan yang merangkumi penggunaan teknologi baru dan pertimbangan untuk pengurusan penyelenggaraan, aset dan fasiliti; pembinaan yang merangkumi amalan keselamatan dan kesihatan, serta penggunaan bahan tempatan; dan pengiktirafan yang merangkumi testimoni pihak berkepentingan serta anugerah lain yang diterima di peringkat kebangsaan.

-ends/-

	<p>Pengerusi CIDB, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali (tengah) menyampaikan trofi dan sijil bagi Anugerah Projek Infrastruktur Bear Terbaik kepada Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp, Dato' Najmuddin Abdullah (kanan).</p>
	<p>Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan MRT Corp, Dato' Najmuddin Abdullah (dua dari kiri) bersama penerima anugerah lain dalam gambar berkumpulan.</p>



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Leong Shen-li

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Amalina Ghazali

016-2154055/amalina.ghazali@mymrt.com.my